

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI (HULU
SELANGOR)**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini permohonan menaik taraf jalan persekutuan FT01, FT1208 dan FT3208 yang dilihat amat perlu seiring dengan penaiktarafan PBT di Hulu Selangor sebagai Majlis Perbandaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi jalan persekutuan FT01, Kementerian ini pernah mengangkat permohonan Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT01 dari Templer Park ke Tanjung Malim dalam *Rolling Plan 1*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk pertimbangan Agensi Pusat. Kementerian ini juga pernah mengangkat projek Menaiktaraf Jalan dari Kampung Sungai Buaya ke Kampung Koskan (FT1208) dan dari Sungai Choh ke Bukit Beruntung (FT3208) dalam *Rolling Plan 1* dan *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun, berdasarkan agihan siling peruntukan yang terhad dan keutamaan projek, cadangan projek-projek tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh Agensi Pusat dalam tempoh berkenaan.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek-projek tersebut apabila dimohon dalam *Rolling Plan* yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat sekiranya memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan; dan tertakluk kepada kesediaan agihan peruntukan pembangunan.

Sekian, terima kasih.